

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

RME 458 - Pengurusan Harta

Tarikh: 14 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan.

1. Bincangkan peranan pihak berkuasa dalam mempengaruhi arah pasaran harta, terutamanya dari segi permintaan, pembekalan dan nilai hartanah dan huraikan juga rasional di sebalik polisi-polisi tersebut.

(20 markah)

2. (a) Dalam penyediaan perjanjian pajakan apakah persoalan yang perlu dipertimbangkan supaya perjanjian pajakan itu berkesan, mantap dan tidak menimbulkan sebarang masalah kelak?

(b) Bincangkan apa yang dianggap sebagai kemungkiran syarat di bawah Kanun Tanah Negara dan juga akibatnya.

(20 markah)

3. (a) Pembahagian pasaran harta terjadi di beberapa peringkat. Berikan peringkat-peringkat pembahagian ini dan kesannya terhadap nilai hartanah.

- (b) Pajak-pajakan yang diberikan adalah tertakluk kepada peruntukan dalam Kanun Tanah Negara, Seksyen 225 dan 226. Terangkan kandungan peruntukan-peruntukan di atas.

(20 markah)

4. "Senggaraan bermula di atas meja lukisan". Bincangkan kenyataan di atas.

(20 markah)


5. (a) Ada terdapat pelbagai jenis-jenis senggaraan dan dengan berpandukan carta huraikan pertalian mereka berserta contoh-contoh untuk tiap-tiap satu.

- (b) "... apa yang penting ialah program senggaraan terancang yang efisien dan efektif bukannya penekanan terhadap pemilihan bahan-bahan binaan yang bersesuaian".

Beri pendapat anda serta justifikasinya.

(20 markah)

6. (a) Dengan menggunakan Rajah di bawah, anda dikehendaki membincangkan maksud setiap garisan yang terdapat di dalamnya.



- (b) Dalam proses pengurusan senggaraan anda akan berhadapan dengan masalah memilih alternatif bahan-bahan yang mempunyai hayat yang terhad serta yang memberi kos yang paling ekonomik. Nyatakan pendekatan yang akan anda ambil serta presedur penggunaan pendekatan ini.

(20 markah)

7. Anda telah ditugaskan menguruskan sebuah bangunan pejabat. Di dalam pengurusan senggaraan apakah tindakan utama anda dalam perancangan dan kawalan sumber-sumber untuk memastikan yang semua pembaikan yang perlu dan pembaharuan dilaksanakan dengan effisen dan ekonomik.

